



# KATEDRAL ST. JOSEPH

## Notis Gereja

HARI MINGGU BIASA KE-33

~ 17 November 2024 ~

Tel.: 082-423424

Laman Web: [stjosephkuching.org](http://stjosephkuching.org)

E-mel: [sjcoffice@yahoo.com.my](mailto:sjcoffice@yahoo.com.my)

---

**KUTIPAN KEDUA** minggu ini adalah untuk **Tabung Penyelenggaraan Katedral**.

**KOTAK 'LOVE OFFERING'** yang diedarkan oleh Persatuan Kepausan Kanak-kanak Suci tersedia di pintu masuk untuk membolehkan kanak-kanak di paroki kita untuk membantu kanak-kanak lain yang memerlukan. Ibu bapa digesa untuk memupuk semangat memberi dan menggalakkan anak-anak anda untuk mengambil bahagian dalam Misi Gereja ini. Sila kembalikan kotak-kotak ini ke Pejabat Paroki selewat-lewatnya pada hari Khamis, **2 Januari 2025**.

**'GROWTH'** adalah Ministri kepada Orang dengan Kekurangupayaan. Misa Kudus akan diraikan **Ahad ini, 1:30 pm** di 'Day Chapel' untuk ahli GROWTH dan sesiapa yang berminat untuk melayani atau menyokong ministri ini. Semua dialu-alukan!

**PROGRAM PRA-UNIVERSITI** - Sekolah Antarabangsa St. Joseph (SJIS) menawarkan dua program pra-universiti yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, iaitu **Cambridge A-Level** dan **Western Australian Matriculation**. Pendaftaran kini dibuka untuk pengambilan baharu (mulai 17 Februari 2025). Mereka yang berminat boleh hubungi SJIS di talian 082-411575 / 082-550575 untuk maklumat lanjut.

**PELEKAT KOD QR S PAY GLOBAL / SARAWAK PAY** pada bangku Gereja disediakan untuk kemudahan para umat dan juga untuk memudahkan kutipan derma semasa Misa hujung minggu. Malangnya, pelekat ini sering perlu diganti kerana didapati terkoyak atau rosak. Kami memohon agar ibu bapa memastikan anak-anak kecil tidak main, koyak atau lukis di atas pelekat ini.



ST. JOSEPH'S CATHEDRAL  
KUCHING

WE CORDIALLY INVITE ALL TO JOIN US

**ENCOUNTERING THE  
MERCIFUL HEART OF GOD, TO  
ENABLE YOU IN YOUR MISSION  
SEMINAR**



Special Guest Speaker

**Fr. Alliston Fernandes**

Institute for World Evangelization (ICPE) Mission in Malta.

**FREE REGISTRATION**

ST. JOSEPH'S CATHEDRAL

**18 - 20 NOVEMBER 2024 | 7:15PM - 8:45PM**



SCAN TO SIGN UP

**"MENEMUI HATI ALLAH YANG PENUH RAHMAT UNTUK MEMBANTU ANDA DALAM MISI ANDA"** - Sertailah Renungan Selama 3 Malam dalam **Inggeris**, dari **18 hingga 20 November**, mulai **7:15 pm hingga 8:45 pm** di Katedral. Renungan ini merangkumi *Venerasi Salib dan Adorasi Sakramen Mahakudus*, dibimbing Fr. Alliston dari Program Evangelisasi Katolik Antarabangsa, Malta. Pendaftaran adalah percuma. Semua dijemput hadir.

"I search for someone to stand in the breach to keep me from destroying the land."

🕊️ Cf. Ezekiel 22:30 🕊️



# Prophetic Intercession Training

with Chevalier Cyril John

ACCPC, ST. JOSEPH CATHEDRAL, KUCHING, MALAYSIA

21st - 25th November 2024

Are you ready to be God's Prayer Warrior?

**Join Now**

**Organised and Hosted by:**

Archdiocesan Charismatic Renewal Team,  
The Roman Catholic Archdiocese of Kuching,  
Sarawak, Malaysia

**Love offering\*:**

Local - minimum **RM350**  
International - minimum **USD150**  
\*excludes accomodation and  
transportation

**Eligible Participants:**

- Catholics who have a call to intercession

**Contact Person (by WhatsApp only) :**

- 📞 Lainus Lichok +60 19 819 0996
- 📞 John Wong +60 19 859 0386
- 📞 Thomas Ngu +60 19 888 3811

(For Non-Muslim Only)

SCAN HERE FOR REGISTRATION



FRUITFUL TALKS | PROPHETIC INTERCESSION WORKSHOP | BAPTISM OF HOLY SPIRIT  
JERICO PRAYER MARCH | HOLY MASS | PRAISE & WORSHIP | TESTIMONIES

**KURSUS PENDOAN SYAFAAT PROFETIK** - Kursus mengenai Penduan Syafaat Profetik akan diadakan oleh penceramah antarabangsa yang terkenal, Chevalier Cyril John, dari **21 hingga 25 November 2024** di Dewan Agung St. Joseph di A.C.C.P.C. Umat Katolik yang merasa dipanggil untuk **'berdoa dan bersyafaat bagi Allah'** digalakkan untuk menyertai kursus ini. Untuk maklumat lanjut dan pendaftaran, sila imbas kod QR. Yuran kursus berdasarkan sumbangan kasih minimum RM350 seorang.





To share & love with the needy

from one to another  
sharing the joy of giving  
sharing the reason  
of the season



LOVE BOX

# BB LOVE BOX 2024

PROJECT PERIOD

活动期限

OCTOBER-DECEMBER

10月-12月



**FAMILY  
PACK**  
5KG RICE  
5公斤白米

**STUDENT  
PACK**  
STATIONERY SET+BAG  
文具+书包

For any enquiries,  
please call:



COMMUNITY PROJECT BY SARAWAK STATE WELFARE & COMMUNITY SERVICE COMMITTEE

**PROJEK TAHUNAN THE BOYS' BRIGADE 'BB LOVE BOX 2024'** adalah satu usaha komuniti untuk membantu golongan miskin dan yang memerlukan. Para umat diminta untuk menyumbangkan barang-barang berikut sebelum **penghujung November**:

- (i) **Beras 5 kg dan minyak masak 2 kg (botol); dan / atau**
- (ii) **Set alat tulis dan beg sekolah** bagi kanak-kanak yang berusia 4 hingga 17 tahun.

Sila hantar barang-barang sumbangan anda ke **Kaunter Pengumpulan BB** yang terletak di pintu masuk utama Katedral semasa Misa hujung minggu. Bagi mereka yang ingin menghantar sumbangan pada hari bekerja, sila hubungi Kapten Desmond Chan di Hp: 019-8168229 untuk pengaturan lanjut.



# 2024 HOUSE-TO-HOUSE CHRISTMAS CAROLLING

INVITE OUR CAROLLERS TO YOUR HOME.  
CELEBRATE THIS SEASON OF JOY TOGETHER!

SCAN TO REGISTER



**CLOSING DATE: 28 NOV 2024**

ST JOSEPH'S CATHEDRAL PARISH OFFICE | 082 423 424 082 423 425

**CAROLLING KRISMAS RUMAH KE RUMAH** - Umat paroki yang ingin menjemput kumpulan Koir Krismas ke rumah anda diminta untuk mengisi borang Permintaan yang disediakan di pintu masuk Gereja. Sila kembalikan borang yang telah diisi ke dalam Kotak Penyerahan yang disediakan di pintu masuk Gereja atau hantar terus ke Pejabat Paroki selewat-lewatnya pada Khamis, **28 November**.



PRAYER INTENTIONS FOR COMBINED REQUIEM MASSES (CRM) NOVEMBER

## MASSES FOR THE FAITHFUL DEPARTED WILL BE OFFERED ON:

ALL SOULS' DAY 2 NOV ( SATURDAY)

FRIDAYS IN NOVEMBER 8, 15, 22 & 29 NOV @ 5:30PM

SUBMIT YOUR PRAYER INTENTIONS HERE



082 423 424 | 423 425



SJCOFFICE@YAHOO.COM.MY

### **PERMOHONAN UNTUK MISA ARWAH GABUNGAN (CRM) DALAM NOVEMBER**

akan dirayakan pada **SETIAP JUMAAT DALAM NOVEMBER** (*i.e.* 22 & 29). Para umat yang ingin menawarkan permohonan mereka pada mana-mana misa tersebut diminta untuk membuat **pendaftaran dalam talian** melalui pautan ini: <https://forms.gle/uKH6DbwKV2oXQrc48>

Sila hantarkan doa permohonan anda sekurang-kurangnya 2 hari lebih awal. Jika anda menghadapi kesukaran untuk membuat pendaftaran dalam talian, anda boleh WhatsApp atau e-mel permohonan anda atau mengisi **borang Tawaran Misa Hijau** yang boleh didapati di Pejabat Paroki.

**PERMOHONAN MISA (MO) UNTUK NIAT PERIBADI** - Umat Paroki boleh menawarkan Misa dalam talian melalui pautan <https://forms.gle/APkbscLMAG2Bcd7F9> ATAU layari laman web Paroki kami: <https://stjosephkuching.org>. Sekiranya anda menghadapi sebarang kesukaran untuk daftar menggunakan pautan di atas, sila emel pertanyaan anda ke [sjcoffice@yahoo.com.my](mailto:sjcoffice@yahoo.com.my) dan staf pentadbiran kami akan membantu secepat mungkin.

Permohonan Misa (MO) akan dirayakan oleh paderi di paroki secara peribadi setiap hari kecuali Ahad. *Apa-apa permintaan untuk misa bagi doa permohonan anda pada tarikh yang 'tertentu' hendaklah dihantar kepada Pejabat Paroki **sekurang-kurangnya satu minggu lebih awal**. Jika tidak, doa permohonan anda akan dirayakan pada bila-bila masa (mengikut budi bicara paderi kami).*

*Nota: Pembayaran (wang) yang diberikan oleh umat Kristian untuk Misa yang akan ditawarkan bagi tujuan yang khusus bukannya yuran tetapi sebagai tanda kesyukuran kita kepada Allah dan sumbangan kita kepada Gereja. Resit rasmi akan dikeluarkan oleh Pejabat Paroki sewajarnya.*



  
**COLLECTION OF CHRISTMAS GIFTS**  
**FOR RURAL CHILDREN**



How to Contribute...

**START DATE:** 1ST SUNDAY OF ADVENT ( 30 NOV & 1 DEC)  
**CLOSING DATE:** 11 DECEMBER 2024 (WEDNESDAY)



1 Donate new gifts only.



2 Do not wrap your gifts.



3 Please provide Christmas Wrapping Paper for the gifts.



4 Label Gifts Clearly.  
(Boys/Girls and Age Group)



5 Drop gifts in marked boxes at the sanctuary.

**KUTIPAN HADIAH-HADIAH KRISMAS UNTUK KANAK-KANAK LUAR BANDAR** akan bermula pada Hari Minggu Adven Pertama, **30 November sehingga 11 Disember**. Sila patuhi garis panduan berikut untuk memudahkan pengagihan hadiah-hadiah anda:

- (i) Sila sumbangkan **HADIAH-HADIAH BARU SAJA** (seperti yang anda akan berikan kepada anak anda sendiri).
- (ii) Tolong **JANGAN** hantar barang mainan dan pakaian **TERPAKAI**, atau yang rapuh dan mudah pecah.
- (iii) Tolong **JANGAN BALUT HADIAH ANDA** tahun ini sebaliknya **sediakan kertas pembalut Krismas yang mencukupi** untuk hadiah yang anda sumbangkan.
- (iv) Sila **LABEL** dengan jelas: **BOY** (lelaki); **GIRL** (perempuan) atau **BOY & GIRL** (lelaki & perempuan) dan nyatakan juga **KUMPULAN UMUR** (misalnya, Boy, 8 - 12 years).
- (v) Tiga kotak berasingan berlabel "**BOYS**" (lelaki); "**GIRLS**" (perempuan) & "**BOYS & GIRLS**" (lelaki & perempuan) akan diletakkan di kawasan santuari untuk membolehkan para umat meletakkan hadiah dengan sewajarnya.
- (vi) **TARIKH TUTUP** untuk menghantar hadiah-hadiah anda adalah pada Rabu, **11 Disember**. Ini adalah untuk memastikan bahawa hadiah anda akan tiba pada masa untuk Parti Krismas Kanak-kanak di paroki-paroki luar bandar.






*"I will sing of the Lord's great love forever.  
I will speak of His faithfulness to everyone."*

Psalm 89:1

*Jesus invites you  
especially young adults  
to...*

# *veSPERSSS*

*... an evening prayer (vespers) of hope (spe)  
with singing (s) and sharing (s)  
...in the spirit of Advent and Christmas.*



**SEEKERS**  
Diabolu' Wisnu. Adulu' wabahu' for manna.

**SATURDAY, 30th November 2024**

**Holy Trinity Church, Kenyalang**

- 6.30PM HOLY MASS in the Church
- 8.00PM VESPERS... followed by singing and sharing in the Hall

For details  
SCAN HERE



+60 11-7263 4737



kch youth.com



kchad youth.office@gmail.com



kuchingcatholicyouth.com

**VESPERSSS** adalah malam doa dan muzik dalam semangat Adven dan Krismas, dengan nyanyian, perkongsian, makanan, minuman, dan persekutuan. Para belia dewasa dari seluruh Keuskupan Agung dijemput untuk menyertai acara ini pada Sabtu, **30 November, 6:30 pm** bermula dengan Misa Senja diikuti sesi ramah tamah di Gereja Holy Trinity, Kenyalang. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi KAYC di 011-7263 4737.

*Authorised for use by Parish Office :*  
*Event : Lian Wei Hui Charity Sales*  
*Date : 17 Nov-1 Dec 2024*

*Parish Administrator*

SCAN AND PAY

Please ensure that the *RECIPIENT ACCOUNT* is :  
ST JOSEPH'S CATHEDRAL  
请确保收款账户为 : ST JOSEPH'S CATHEDRAL

To add in SPAY REMARK : LWH  
请在 SPAY 备注 (REMARK): LWH

**KUMPULAN-KUMPULAN PERLAYANAN AWAM CINA** akan menganjurkan **Jualan Sarapan** pada Ahad, **1 Disember**, dari **7:30 am hingga 12:30 pm** di Galeri Paroki. Pelbagai barangan dan makanan akan dijual (contohnya kuih tempatan, nasi lemak, ayam / itik panggang, kolo mee, pakaian [baru & terpakai], alat muzik mini, dan banyak lagi!). Kopi dan teh percuma akan disediakan!

Semua umat paroki dijemput untuk hadir bersama keluarga dan rakan-rakan bagi menyokong acara ini. Sumbangan (wang tunai & barangan) sangat dialu-alukan! Sumbangan tunai boleh dibuat melalui kod QR S PAY yang disediakan. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Joan Lau di 012-8765829.

**PERSATUAN ST. VINCENT DE PAUL ST. JOSEPH** akan mengadakan **Jualan Penghabisan Stok Kedai Jualan Amal** mereka (*tingkat bawah A.C.C.P.C.*) pada Ahad, **1 Disember** dari **7:30 am hingga 1:00 pm**. Datanglah dan beri sokongan sepenuhnya! Semua hasil jualan akan disalurkan kepada golongan miskin dan yang memerlukan.

# SEMINAR ON CHRISTIANITY AND CORRUPTION



**Fr. Clarence Devadass**

Co-author for Transparency  
International Malaysia  
book on "The Sin of  
Corruption: A Religious  
Perspective"

8:00AM Registration

8:30AM Opening Prayer & Remark

8:40AM Introduction to  
Catholic Social Teaching

9:00AM Part 1 - Biblical Foundation

10:00AM Break

10:15AM Part 2 & 3 - Ethical  
Implications & Call for Action

11:15AM Q&A Session

11:45AM Closing Remark & Prayer


SATURDAY   
7 December, 2024

START AT   
08:00AM - 12:00PM

BLESSED SACRAMENT HALL   
Blessed Sacrament Church, BDC

**CLICK ME TO REGISTER**



CONTACT US  SIMON SIAH 019-837 0077 AARON WONG 012-8866128

**SEMINAR TENTANG "KEKRISTIANAN DAN RASUAH"** akan dianjurkan oleh Kementerian Ajaran Sosial Katolik Gereja Blessed Sacrament untuk meneroka pandangan Kristian mengenai rasuah melalui asas alkitabiah dan peranan Gereja dalam memerangi rasuah. Penceramah jemputan, Rev. Fr. Dr. Clarence Devadass, adalah penulis bersama buku Transparency International Malaysia mengenai "Dosa Rasuah: Perspektif Agama." Seminar ini akan diadakan pada Sabtu, **7 Disember**, dari **8:30 am hingga 12:00 tengah hari** di Dewan Gereja Blessed Sacrament, BDC. Umat yang berminat boleh menghubungi Simon Siah @ Hp: 019-8370077 ATAU Aaron Wong @ Hp: 012-8866128 ATAU daftar dengan imbas Kod QR pada poster. **Pendaftaran adalah percuma.**

# ADVENT REFLECTION (MANDARIN)

Organised By : Chinese Liaison Committee, HTC Kenyalang

Date : 07/12/2024 (Saturday)

Time : 9.00a.m. - 12.30p.m.

Venue : Holy Trinity Church, Kenyalang

Speaker : Fr. Paul Ling

Registration fee : FREE



Fr. Paul Ling

Closing date of Registration :  
1/12/2024 (Sunday)

Registration can be made thru WhatsApp with your particulars :

1. Name in Chinese or English
2. Contact number
3. Parish

WhatsApp to our person in charge :  
Rachel 016-8781502 or  
Vivian 013-8229603



**REFLEKSI ADVEN DALAM MANDARIN** akan dianjurkan oleh Jawatankuasa Perhubungan Cina HTC pada **7 Disember** dari **9:00 am hingga 12:30 pm** di Gereja Holy Trinity, Kenyalang. Program ini merangkumi doa Rosari dan Misa penutup. Penceramahnya adalah Fr. Paul Ling. Mereka yang berminat boleh menghubungi Rachel Teo di Hp: 016-8781502 ATAU Vivian Teo di Hp: 013-8229603. Pendaftaran adalah PERCUMA dan SEMUA dialu-alukan. Tarikh tutup pendaftaran adalah Ahad, **1 Disember**.



Sertai Kami @ Perarakan Krismas Kuching 2024

# Damai Sejahtera Bersamamu!

**7.12.2024 (Sabtu)**

**Masa Berkumpul: 6:00 ptg**  
**Tempat Berkumpul: Padang Jubilee MBKS**

Setiap jemaat diminta menyediakan hadiah Krismas untuk diberikan kepada orang lain sewaktu perarakan pada pukul 8:15 mlm

Padang Jubilee  
MBKS

Kuching  
Waterfront

Padang Jubilee  
MBKS



## Stesen Gereja di Sepanjang Laluan Perarakan:

1. Roman Catholic Church: Padungan
2. Sarawak Baptist Church: Tun Jugah / Top Spot
3. BEM (SIB) Church: Riverside Majestic Hotel
4. Anglican Church: Hilton / Waterfront
5. Seventh-Day Adventist Church / Salvation Army: Medan Pelita / Borneo Hotel Kuching
6. Methodist SCAC / Methodist SIAC: Ban Hock Road
7. Sarawak Evangelical Christian Association / Blessed Church: MBKS Flat



## Peserta:

Roman Catholic Church (Jean Foong 082-423425), Anglican Church (Christmanuel 011-25009241 / Rev Peter 011-51720883), SCAC Methodist Church (William 019-8164385 / Samuel 016-8605496 / Joanna 014-9966135), SIAC Methodist Church (Myla 013-8955449 / Stanley 019-8598111), BEM (SIB) Church (Ps John 013-8053164 / Ps Harry 012-8879745), The Seventh-Day Adventist Church (Ps Willie 018-9744687 / Samuel Lee 011-33871962), The Salvation Army (Cpt Daniel 010-2463709 / Cpt Kokila 016-3105036), Sarawak Baptist Church (Tommy 016-8600703 / Seria 010-4091033), Blessed Church (David 019-8279867), SECA (Ps Greman 013-8089947 / Ps Kelvin 010-7699110), Boys' Brigade (Thomas 016-8564410), Girls' Brigade (Lily 016-8796978) dan lain-lain.

**Hubungi:** Samuel 016-8605496 / Joanna 014-9966135 / William 019-8164385

**PERARAKAN KRISMAS KUCHING 2024** akan dianjurkan oleh Gereja Methodist SCAC pada Sabtu, **7 Disember, 6:00 pm** di Padang Jubli MBKS. Semua anggota kumpulan awam dan umat Paroki Katedral **sangat digalakkan** untuk turut serta secara aktif dengan berkumpul di sepanjang Jalan Padungan (dari Klinik Asia hingga sebelum Hotel Sheraton - 230 meter) antara 7:00 pm hingga 9:00 pm. Marilah kita bersama-sama mengisytiharkan iman Kristian kita di hadapan umum di jalan-jalan kota Kuching.

*When they saw the star,  
the magi set out  
on a journey...  
MT 2:1-12*

# ADVENTure 2024

- a week-end get-away... to ponder and pray
- open to young adults... 18 and above
- in the spirit of Advent... in preparation for Christmas
- a SILENT RETREAT... for persons ADVENTurously journeying
- to go deeper in faith... and grow dearer in life
- Theme? **LOVE RELATIONSHIPS...**  
*having GOD as sole source and summit*

For details...  
PLEASE SCAN

Facilitated by  
FR RAMON SDB, KAYC Team and SEEKERS

Where?  
THE PONDOK @ SIRU in Sematan, Sarawak

When?  
13-15 December (Friday 6 PM - Sunday 12 NN)

+6011-7257 3262
 

 kchyouth.com
 kchadyouthoffice@gmail.com
 kuchingcatholicyouth.com
 <https://www.facebook.com/thepondoksiru>



**PENGEMBARAAN 'SEEKERS'** - KAYC (Komisi Belia Keuskupan Kuching) menjemput golongan muda untuk menyertai retret Advent bertajuk **"ADVENTure 2024"** dari **13 hingga 15 Disember** di The Pondok @ Sirru, Sematan. Ini adalah percutian hujung minggu untuk berdoa dan merenung, mendalami iman dan kasih, serta mengembangkan hubungan dalam kehidupan. Untuk maklumat lanjut dan pendaftaran, sila imbas kod QR.





ASSOCIATION OF CHURCHES IN SARAWAK

# JOINT CHRISTMAS SERVICE 2024

2024年圣诞联合崇拜



# THE LOVE THAT TRANSFORMS

改变的爱

19 DEC

7:30PM

ACS CHRISTIAN ECUMENICAL  
WORSHIP CENTRE, JALAN STAMPIN, KUCHING

ORGANISED BY ASSOCIATION OF CHURCHES IN SARAWAK

HOSTED BY METHODIST CHURCH SCAC

**2024 SERVIS KRISMAS GABUNGAN ACS** akan dianjurkan oleh Persatuan Gereja-gereja di Sarawak (ACS) dan dihoskan oleh Gereja Methodist SCAC pada Khamis, **19 Disember, 7:30 pm** di Pusat Ibadat Ekumenikal Kristian, Jalan Stampin. Semua dialu-alukan!



# KUCHING CATHOLIC CEMETERIES AND COLUMBARIA SERVICES

## It all starts with charity.

Seeking your generous and kind contribution to maintain and improve the facilities within the compound of all our cemeteries.

The Custodian  
Rev. Fr Vincent Chin



### TO DONATE

#### ONLINE TRANSFER

The Archbishop of Kuching  
Maybank Account  
No.: 5112 5200 0808

- Remark "For KCCCS"
- WhatsApp to 016-8899237  
proof of transfer if you need receipt.

OR

Drop KCCCS envelopes into the collection bags during weekend masses at any parish in the Archdiocese.



## APPEAL FOR DONATION

**RAYUAN UNTUK DERMA KE PERKHIDMATAN KUBUR DAN KOLUMBARIUM KATOLIK KUCHING (KCCCS)** - Penjaga KCCCS merayu untuk derma yang murah hati daripada anda bagi penyelenggaraan dan pemeliharaan kubur Katolik kita serta peningkatan kemudahan yang ada. Sila sokong!



**KHIDMAT PENGEBUMIAN KATOLIK** - 'Catholic Mutual Benefit Society' (CMBS) Keuskupan Agung Kuching menyediakan bantuan kepada keluarga yang berduka pada masa kematian. Perkhidmatan mereka termasuk memberi nasihat mengenai ritual Kristian, plot tanah perkuburan, kolumbarium, keranda, pengangkutan, pengurusan bagi Misa pengebumian, doa untuk orang yang telah meninggal, dll..

Untuk maklumat lanjut mengenai keahlian atau semasa memerlukan/berkabung, **umat Katolik dinasihatkan untuk menghubungi yang berikut untuk mendapatkan bantuan** bagi mengelakkan kerumitan dan kekeliruan berkaitan upacara dan perkhidmatan pengebumian Katolik:

Pejabat CMBS: Beatrice Mary Goh (Tel: 082-244493)  
'On-call': Christopher Chin (Hp: 019-8563438)





THE ARCHDIOCESE OF KUCHING  
INVITES YOU TO SUPPORT THE



# BUNAN RESILIENCE PROJECT

Join the Bunan Resilience Project and savour the flavours of nature's bounty! Together, let us help our local farmers build economic resilience against external threats and the challenges of climate change.

Embrace fresh, homegrown delights while uplifting an entire community!

参与布南韧性项目，品尝大自然的恩赐。让我们一起支持我们的农民，建设经济复原能力来抵抗外部威胁和无常的气候。享受本土新鲜种植蔬果，提升社区经济效益。

Sertai Projek Daya Tahan Bunan dan nikmati kebaikan hasil alam semula jadi! Marilah bersama membantu para pekebun tempatan membina keteguhan ekonomi terhadap ancaman luar dan cabaran perubahan iklim.

Nikmati hasil tanaman tempatan yang segar sambil membangunkan seluruh komuniti!



[www.kuchingcjc.com](http://www.kuchingcjc.com)

**PROJEK DAYA TAHAN BUNAN** merupakan projek perintis Keuskupan Agung Kuching untuk menyokong petani Bunan dengan memasarkan hasil mereka di Kuching. Dengan berbuat demikian, kami membantu mereka untuk kekal berdaya tahan dari segi ekonomi dalam menghadapi ketidakpastian yang semakin meningkat. Lawati <https://kuchingcjc.com/> dan pesan produk segar tempatan untuk keluarga anda sambil menyokong seluruh komuniti!

Pesanan yang diterima sebelum tengah hari Khamis setiap minggu boleh dikutip pada pagi Sabtu sama ada di Tempat letak kereta A.C.C.P.C. (tapak Katedral St. Joseph) ATAU Gereja Holy Trinity, Kenyalang. Bayaran adalah secara tunai semasa pengambilan. Pada masa hadapan, kami harap dapat mewujudkan lebih banyak pusat pengambilan di paroki-paroki lain. **Ayuh sokong Projek Daya Tahan Bunan HARI INI!**

# **Kuching Catholic Cemeteries & Columbaria Services Archdiocese of Kuching**



**“ Please return your donation-envelopes into the collection bags of your respective parishes.  
Thanking you in advance for your continuous support! ”**



**or  
Use online banking  
for Donation to:  
THE ARCHBISHOP OF KUCHING  
MAYBANK ACCOUNT  
MBB 5112 5200 0808  
For KCCCS**



**Kuching Catholic Cemeteries & Columbaria Services  
The Custodian  
Archdiocese of Kuching**

**PUSAT KAUNSELING SJC** menyediakan perkhidmatan kaunseling dan sokongan emosi untuk individu, pasangan, keluarga dan kumpulan sokongan untuk pelbagai isu.

Isnin - Jumaat	8:00 am - 12:00 tgh hri, 2:00 pm - 5:00 pm	Sila telefon, WhatsApp atau e-mel kepada: Pejabat Kaunseling Tel: 082-258046 E-mel: <a href="mailto:sjckch.counsellor@gmail.com">sjckch.counsellor@gmail.com</a> Kimberly Hp: 018-3539799 Nelly Hp: 018-2529899
Sabtu	8:00 am - 12:00 tgh hri	

- Nota:*
- Pusat kaunseling ditutup pada Hari Ahad, Cuti Umum & Hari Kewajipan Suci Gereja.
  - Klien kaunseling diingatkan untuk memberi 'Love-offering' untuk kutipan Gereja.

### **WAKTU OPERASI**

Pejabat Gereja	Pejabat Paroki SJC	Pejabat Kateketikal SJC	Perpustakaan & Galeri Sejarah Keuskupan Agung
Isnin - Jumaat	8:00 am - 12:00 tgh hri, 2:00 pm - 5:00 pm	8:00 am - 12:00 tgh hri, 2:00 pm - 5:00 pm	8:00 am - 12:00 tgh hri, 2:00 pm - 5:00 pm
Sabtu	8:00 am - 12:00 tgh hri, 2:00 pm - 4:30 pm	8:00 am - 12:00 tgh hri	8:30 am - 12:00 tgh hri
No. Telefon	082-423424 / 423425 (Kakitangan Pejabat Paroki: Annie / Joanna) WhatsApp: 082-423424 ATAU layari <a href="https://wa.me/6082423424">https://wa.me/6082423424</a> Emel: <a href="mailto:sjckoffice@yahoo.com.my">sjckoffice@yahoo.com.my</a>	082-412650 (Kakitangan Pejabat Kateketikal: Sarah / Ronita / Angeline) WhatsApp: 082-412650 Emel: <a href="mailto:sjckch.faithformation@gmail.com">sjckch.faithformation@gmail.com</a>	082-420802 (Kakitangan Perpustakaan: Olivia Inoi)

- Nota:*
- Semua pejabat di atas ditutup pada Hari Ahad, Cuti Umum & Hari Kewajipan Suci Gereja.
  - Untuk panggilan sakit selepas waktu pejabat, sila hubungi 016-8922633.

**PUSAT 'HOLY CROSS'** (bertempat di No. 681, Lorong 1, Jalan Bayor Bukit, Tabuan Jaya, 93350 Kuching. Tel.: 082 363945) dibuka **setiap Isnin, Selasa dan Rabu dari 9:30 am hingga 12:30 pm**. Pemakaian pelitup muka adalah wajib. 'Pray over' dan konsultasi akan diadakan di kawasan anjung. (Pusat ditutup pada hari kelepasan am, hari perayaan Gereja utama atau bila dimaklumkan.) 'Fellowship' mingguan Ministri 'Holy Cross' diadakan setiap Selasa dari 7:30 pm hingga 9:00 pm di Dewan Persidangan Sts. John & Lucy, Aras 2, A.C.C.P.C. (kecuali hari kelepasan am).

## JADUAL MISA HARIAN & SAAT TEDUH (HOLY HOUR)

Tempat	Misa harian	Saat Teduh (Holy Hour)
Chapel Carmelite	Isnin - Sabtu, 7:00 am (Inggeris)	Jumaat, 7:30pm (Inggeris)
'Day Chapel', Katedral St. Joseph	Isnin - Jumaat, 5:30 pm (Inggeris)	-

## JADUAL MISA HUJUNG MINGGU

Tempat	Hari	Masa	Bahasa	Catatan
Katedral St. Joseph	Sabtu	6:00 pm	Inggeris	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tempat letak kereta di hadapan Katedral <b>DIKHASKAN</b> untuk kereta yang membawa penumpang warga tua, khususnya mereka yang memerlukan bantuan khas dan mempunyai kesukaran untuk berjalan.</li><li>• Selepas Misa tamat, pagar belakang menghala ke 'Sarawak Club' akan dibuka untuk kereta keluar dari perkarangan Katedral.</li></ul>
	Ahad	7:00 am*	Inggeris	
		9:00 am*	Mandarin	
		11:00 am*	Malaysia	
		5:00 pm	Inggeris	
Chapel Carmelite	Ahad	8:00 am	Inggeris	

**\*Misa siaran langsung.**

Sila layari <https://www.facebook.com/arch.kuching>

## PERINGATAN AM

Umat paroki diingatkan untuk menunjukkan rasa hormat kepada Tuhan dan memberi pertimbangan terhadap orang lain seperti berikut. Kami memohon kerjasama dan pemahaman anda supaya kita semua dapat beribadat dengan selesa sebagai sebuah Gereja:

- Sila **datang awal** dan berada di tempat duduk sekurang-kurangnya 10 minit sebelum Misa bermula untuk mengelakkan sebarang gangguan.
- Kesucian perayaan Ekaristi menggesa semua umat untuk **berpakaian sopan** apabila memasuki Gereja untuk Misa Kudus dan menunjukkan keikhlasan tentang apa yang kita buat sebagai sebuah komuniti yang beribadah.
- **Pemakaian pelitup muka** di Gereja tidak lagi diwajibkan tetapi **sangat digalakkan**, terutamanya dalam persekitaran yang sesak dan tertutup.
- **Mereka yang sakit** dengan simptom-simptom seperti selesema (cth. demam, batuk, hidung berair, dsb.) hendaklah berhemah dan **tidak menyertai aktiviti di Gereja**.



# PROPER ATTIRE



T-SHIRT OR  
LONG SLEEVES



BLOUSE WITH SLEEVES



POLO SHIRT  
OR COLLARED SHIRT



KNEE-LENGTH DRESS  
WITH SLEEVES



JEANS OR SLACKS



KNEE-LENGTH SKIRTS



SHOES

# IMPROPER ATTIRE



SLEEVELESS AND  
PLUNGING NECKLINES



TUBES AND  
RACERBACKS



SINGLETS



SHORT SKIRTS



SHORTS



CAP



SLIPPERS

## KUTIPAN MINGGUAN MISA DAN DERMA

Umat paroki digalakkan menyumbang setiap minggu untuk membantu membiayai kos operasi dan penyelenggaraan Katedral.

Sila berikan sumbangan anda melalui **S Pay Global** dengan mengimbas kod QR ini. Sahkan bahawa penerima ialah **'St. Joseph's Cathedral'** sebelum pemindahan dilakukan.

Umat paroki juga boleh masukkan sumbangan mingguan mereka ke dalam Kotak Kutipan kayu besar yang diletakkan di pintu masuk Katedral ATAU lakukan **pindahan dalam talian atau deposit tunai** kepada Akaun Bank Katedral St. Joseph seperti berikut:



St. Joseph's Cathedral

### **Archbishop of Kuching Saint Josephs Cathedral**

**Nombor Akaun Maybank Bhd: 511038613081**



**PENGAUKAN DOSA** - Paderi akan berada di Chapel Blessed Sacrament setengah jam sebelum Misa-misa Senja dan Hari Minggu untuk mendengar pengakuan dosa. Sila kekalkan penjarakan fizikal dan jangan berkumpul di kawasan sekeliling sambil menunggu giliran anda untuk membuat pengakuan dosa.

Sila patuhi SOP di bawah. Peniten dikehendaki untuk:

- Pakai pelitup muka pada setiap masa.
- Sedia membuat pengakuan dosa tanpa berlengah-lengah.
- Buat penitensi selepas kembali ke tempat duduk di dalam Gereja.
- Bawa pembersih tangan sendiri.

**NOVENA KEPADA BONDA PENOLONG ABADI** diadakan pada **setiap Sabtu, 5:00 pm** sebelum Misa Bahasa Inggeris pada 6:00 pm di Katedral St. Joseph. Semua dialu-alukan hadir. Bagi umat yang hanya menghadiri Novena, dikehendaki untuk duduk di loteng bertentangan dengan Koir. Para umat boleh menghantarkan permohonan atau doa kesyukuran secara dalam talian melalui borang google di <https://forms.gle/oTqtZMQsr1hC5PDr6>.

### **'ONLINE CALVARY HOUR OF MERCY'**

Hari	Bahasa	Masa	Pautan Zoom
Ahad	Inggeris	2:55 pm - 4:00 pm	<a href="https://us02web.zoom.us/j/86178307498?pwd=UVZ6MTdJSmRyeDZwUTMweC95UFBDdz09">https://us02web.zoom.us/j/86178307498?pwd=UVZ6MTdJSmRyeDZwUTMweC95UFBDdz09</a>  Meeting ID: <b>861 7830 7498</b> Passcode: <b>prayhour</b>
Isnin	Inggeris		
Selasa	Mandarin		



**3 O'CLOCK**

## **THE HOUR OF GREAT MERCY**

**YOU are invited to our  
Daily Devotion to  
THE DIVINE MERCY**

**Time: 3pm**

**Venue: Day Chapel, St. Joseph's Cathedral**

## **DIVINE MERCY PROMISES**

**"...you can obtain everything  
for yourself and for others for  
the asking;  
it was the hour of grace  
for the whole world."**

**"... Through the CHAPLET  
you will obtain everything,  
if what you ask for is  
compatible with My will."**

**"By means of this IMAGE I shall grant many  
graces to souls. It is to be a reminder of the  
demands of My mercy, because even the  
strongest faith is of no avail without works."**

**"Tell me about everything, be sincere in dealing  
with Me, reveal all the wounds of your heart.  
I will heal them, and your suffering will become a  
source of your sanctification.**

**A suffering soul is closest to My Heart."**







~ 耶稣我信赖祢 ~

# 华语 上主慈悲敬礼



每逢周六下午三时正  
于  
圣若瑟堂区中心二楼  
圣母玛利亚祈祷室

**\*欢迎教友们踊跃参加\***

**DEVOSI 'DIVINE MERCY' DALAM BAHASA MANDARIN** diadakan setiap Sabtu, 3:00 pm di 'Mother Mary Prayer Room', Tingkat 1, Pusat Paroki. Semua dialu-alukan!



## **SUMBANGAN KEPADA GOLONGAN KURANG BERNASIB**

**BAIK** - Sila teruskan untuk membantu 'Catholic Welfare Services' secara kewangan dalam pelayanan kita kepada golongan miskin dan yang memerlukan di dalam masyarakat kita tanpa mengira bangsa atau kepercayaan. Umat boleh membuat sumbangan melalui **S Pay Global** dengan mengimbas QR kod di sini. Sahkan bahawa penerima ialah 'Catholic Welfare Services' sebelum pemindahan dilakukan. Umat paroki juga boleh melakukan **pemindahan dalam talian atau deposit tunai** kepada akaun berikut:



Catholic Welfare Services

**Catholic Welfare Services Council Sarawak**  
**Nombor Akaun Maybank Bhd: 511234019806**

Sila hubungi atau WhatsApp **Cik Angelina William Hp: 010-6581641 / Tel: 082-241407** setelah anda membuat sumbangan. Resit Pengecualian Cukai akan dikeluarkan dengan sewajarnya.

**PEMBAPTISAN BAYI** diadakan dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Malaysia di Katedral. Para ibu bapa yang ingin membaptiskan bayi mereka perlu membuat pendaftaran secara dalam talian di [https://formfaca.de/sm/y2oT0Qf\\_P](https://formfaca.de/sm/y2oT0Qf_P) dan muat naikkan semua salinan dokumen yang disenaraikan seperti berikut:

<b>Ibu bapa</b>	<b>Sponsor (Wali)</b>
<ul style="list-style-type: none"><li>✓ Sijil Kelahiran atau Sijil Anak Angkat anak anda</li><li>✓ MyKid (jika ada)</li><li>✓ Buku Rekod Keluarga</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>✓ MyKad (atau Pasport)</li><li>✓ Sijil Pembaptisan</li><li>✓ Sijil Penguatan</li><li>✓ Buku Rekod Keluarga atau Sijil Perkahwinan (dikeluarkan oleh Gereja Katolik)</li></ul>

Hanya Ibu bapa yang telah menghantar dokumen tersenarai seperti di atas dengan lengkap sahaja akan diterima dan Pejabat Paroki akan memberitahu anda masa dan tempat untuk menghadiri Perayaan Sakramen Pembaptisan. Anda kemudiannya diminta untuk menyerahkan Buku Rekod Keluarga asal untuk tujuan pengemaskinian sebelum hari pembaptisan.

*Menurut Kod Undang-undang Kanun Gereja Katolik # 874, seorang Sponsor (Wali) mesti telah menerima Sakramen Pembaptisan, Penguatan dan pengamal Katolik. Jika sudah berkahwin, perkahwinannya telah diberkati di Gereja Katolik. (Ini tidak tertakluk kepada mereka yang bukan Katolik [kedua suami isteri] pada masa perkahwinan sivil).*

**KEDAI JUALAN AMAL SSVV** dibuka setiap Ahad dari 10:00 am hingga 1:00 pm. Semua hasil penjualan akan diberikan kepada mereka yang miskin dan memerlukan. Sila berikan sokongan!

### **PERINGATAN KEPADA SEMUA PENYUMBANG**

**Sila sumbangkan barangan dan pakaian yang dalam keadaan baik dan boleh dijual kepada Kedai Kitar Semula SSVV. Pengertian dan kerjasama anda amat dihargai.**

**RAYUAN DERMA DARAH HOSPITAL UMUM SARAWAK (HUS)** - Umat paroki digalakkan untuk menderma darah di **Tabung Darah HUS, Isnin hingga Jumaat, 7:30 am hingga 4:00 pm**. Untuk pertanyaan, sila hubungi Tabung Darah HUS, No. Tel.: 082-276797 atau 010-8578909 (En. Borhan).

# FORMED<sup>®</sup>

The Catholic Faith. On Demand.

Diving into the beauty of the Faith has never been easier: at home, on the go, or from any internet connected device.

Discover thousands of books, audio talks, movies, documentaries, and studies... there is something for every member of the family to help them grow closer to Christ and His Church.



Over 4,000 titles - now available on almost any device!

Roku

Apple tv



Dozens of new features - all to help you enjoy the best in Catholic content

## Already have a FORMED Account?

1. Visit FORMED.org
2. Click Sign In
3. Enter your email
4. Click the link in your email
5. You're in! No more passwords!

## Registering on FORMED is easier than ever!

1. Go to FORMED.org/signup
2. Enter your parish zip code or name to select your parish
3. Enter your name and email

Zip kod: 93000

Paroki: Archdiocesan Curia and Cathedral Pastoral Centre

Visit [FORMED.org](http://FORMED.org) or search for "Formed" on your favorite app store

**FORMED: SUMBER IMAN KATOLIK DALAM TALIAN PERCUMA** - Sila rujuk ke atas untuk cara-cara mendaftar secara percuma di [FORMED.org/signup](http://FORMED.org/signup) dan muat turun Aplikasi FORMED ke telefon anda di mana anda boleh mendapat akses kepada ceramah audio Katolik terbaik, filem Kristian, e-buku dan program pengajian di hujung jari anda untuk membantu anda pertingkatkan iman anda, dalam hubungan kekeluargaan, mencari kedamaian yang lebih mendalam dengan Tuhan dan berkongsi kepercayaan anda dengan orang lain.